

14 AUG 1997

Mahathir-KDNK

MALAYSIA BOLEH CAPAI KDNK LEBIH LAPAN PERATUS, KATA MAHATHIR

JITRA, 14 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan keyakinan bahawa negara boleh mencapai kadar Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) melebihi lapan peratus tahun ini walaupun Ringgit terus menghadapi serangan spekulatif.

Beliau juga yakin bahawa negara boleh mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang menakjubkan yang dinikmati sejak tahun 1987 untuk tempoh 30 tahun akan datang.

"Kita akan mencapainya dengan menguruskan ekonomi kita seperti yang dilakukan sejak 1987," katanya kepada pemberita selepas majlis ramah mesra dengan penduduk kawasan Parlimen Kubang Pasu di Dewan Jitra di sini.

Dr Mahathir adalah anggota Parlimen Kubang Pasu.

Beliau berkata antara motif serangan mata wang di rantau ini ialah untuk memperlahankan ekonomi rantau Asean.

"Mereka (spekulator mata wang) berkata ekonomi rantau ini harus diperlahankan kerana ekonominya berkembang terlampau pantas. Mereka mahu kadar inflasi lebih tinggi dan negara-negara miskin menjadi lebih miskin," katanya.

"Mereka mencampuri ekonomi rantau ini kerana mereka mahu memastikan bahawa apa yang mereka perkatakan adalah benar," katanya.

Malaysia, katanya, sebagai contoh, boleh mengurus ekonominya sendiri tanpa pihak-pihak lain menjejaskannya.

Ketika ditanya mengenai kesan susut nilai mata wang sekarang terhadap bil import makanan, Dr Mahathir berkata: "Mereka mahu menyusahkan rakyat miskin apabila harga makanan import meningkat."

Mengenai langkah kerajaan untuk mengambil penyelesaian jangka panjang bagi menghalang serangan spekulatif terhadap ringgit, termasuk menghadkan aktiviti seperti itu menerusi percukaian, Dr Mahathir berkata beliau mempunyai rancangan tetapi tidak boleh mendedahkannya.

Ditanya bagaimana kerajaan dapat membezakan antara peniaga tulen mata wang dan spekulator, beliau berkata: "Jika mereka menukar sejumlah banyak wang di pasaran, penyanggaklah." -- BERNAMA

JM AKD